



**MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI
KEDAH DARUL AMAN**

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Pembekal-pembekal yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dan **MPSPK** adalah dipelawa untuk mendaftar bagi kerja-kerja sebut harga di bawah ini.

BIL	TAJUK	NO. SEBUT HARGA	KOD BIDANG
1.	Sebut Harga Perkhidmatan Menyemak dan Menyiapkan Penyata Kewangan 2019 Mengikut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) (Pemakaian Tahun Ketiga MPSAS) Untuk Majlis Perbandaran Sungai Petani, Kedah Darul Aman	No. 04/2020 (PER)	221803 atau 340401

Harga Dokumen : **RM 10.00** Senaskhah (Tunai)

Dokumen tawaran ini boleh didapati dari Jabatan Kewangan (Seksyen Perolehan) mulai **23 Januari 2020** pada hari dan waktu seperti di bawah :-

Ahad hingga Rabu : **8.15 pagi hingga 12.45 tengah hari**
2.15 petang hingga 4.45 petang
Khamis : **8.15 pagi hingga 12.45 tengah hari**
2.15 petang hingga 3.15 petang

Pembekal atau wakil pembekal dikehendaki membawa dokumen asal **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat** yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia dan **Sijil Akuan Pendaftaran Pembekal** yang dikeluarkan oleh MPSPK.

Tarikh tutup sebut harga ialah pada **30 Januari 2020**, jam **12.00 tengah hari**. Dokumen tawaran sebut harga yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri / bermeteri, bertulis nama tawaran dan nombor sebut harga dan dihantar kepada **Yang DiPertua, Majlis Perbandaran Sungai Petani, Menara MPSPK, Jalan Patani, 08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman** atau dimasukkan terus ke dalam peti tawaran sebut harga di **Jabatan Kewangan (Seksyen Perolehan), Majlis Perbandaran Sungai Petani, Menara MPSPK, 08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman**.

Pihak kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah sekali daripada mana-mana tawaran.